	Jenis Dokumen : POLISI	Tajuk : ANTIRASUAH	Nombor Dokumen : POL-UITU-001	
	Pemilik Dokumen : Unit Integriti & Governans		Semakan:	01
			Tarikh diterbitkan	20 Mei 2025

ENERGY COMMISSION OF SABAH (ECoS)

Level 10, Plaza Shell
29, Jalan Tunku Abdul Rahman
Mail Box No.53
88000 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Tajuk :

POLISI ANTIRASUAH

No. Dokumen :

POL-UITU-001

Nombor Semakan	Perkara	Disediakan oleh	Diperakukan oleh	Diluluskan oleh
Tiada	Penyediaan Polisi	Unit Integriti & Governans	JPTITU	JITU

ISI KANDUNGAN

1) Objektif..... 3

2) Latar belakang..... 3

3) Kepentingan Polisi Antirasuah..... 4

4) Skop dan pemakaian polisi..... 4

5) Takrifan..... 5 - 8

6) Pemilik polisi..... 7

7) Polisi..... 7 - 15

8) Hukuman ke atas ketidakpatuhan..... 15

9) Penepian..... 15

10) Semakan dan Pemeriksaan.....15

11) Rujukan..... 15

1. Objektif

Polisi antirasuah diwujudkan untuk menetapkan pendirian ECoS terhadap jenayah rasuah dan semua bentuknya.

2. Latar belakang

Polisi antirasuah ini adalah salah satu inisiatif Pengurusan Tertinggi untuk terus komited bagi mematuhi amanat YAB Perdana Menteri Malaysia No.1 Tahun 2018 dalam mendukung usaha memperkukuh Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan yang direalisasikan melalui pembetukan inisiatif pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah (GIA) dalam pengurusan pentadbiran. Perkara utama tentang perundangan yang berkait dengan ECoS dalam konteks antirasuah ialah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta SPRM 2009). Kesalahan tertentu di bawah Akta ini termasuk kesalahan memberi dan menerima suapan, mendapatkan penarikan balik tender, penyogokan pegawai badan awam, penyogokan pegawai awam asing dan kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk menerima suapan. Apabila disabitkan dengan kesalahan berkaitan jenayah rasuah, ECoS sebagai sebuah Suruhanjaya boleh dikenakan denda yang berat dan mencemarkan reputasinya secara berpanjangan. Disamping itu, Anggota Suruhanjaya dan mana-mana warga ECoS boleh didenda, dipenjara atau kedua-duanya sekali jika disabitkan dengan sebarang kesalahan di bawah Akta SPRM 2009. Oleh itu, perkara ini perlu dipandang serius oleh semua warga ECoS atau pun mana-mana pihak yang berurusan secara langsung dengan ECoS.

Penyataan polisi yang jelas dan mudah tentang pendirian ECoS berkaitan jenayah rasuah dapat membentuk asas bagi sistem penguruan Governans, Integriti dan Antirasuah yang berkesan serta menyatakan kepada warga ECoS dan Anggota Suruhanjaya bahawa ECoS mengamalkan sikap sifar toleransi terhadap jenayah rasuah dan segala aktiviti berunsur rasuah dalam apa-apa urusan, operasi dan pentadbirannya.

3. Kepentingan Polisi antirasuah

3.1 Polisi antirasuah ECoS merupakan dokumen induk dan panduan utama terhadap perkara berkaitan integriti dan antirasuah.

3.2 Polisi ini juga merupakan panduan dan sumber rujukan warga ECoS berkaitan perlakuan rasuah serta menerangkan tugas & tanggungjawab dalam menangani jenayah rasuah.

3.3 Pengujudan polisi ini menunjukkan komitmen ECoS dalam menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

4. Skop dan pemakaian

4.1 Polisi ini terpakai kepada semua peringkat termasuk Anggota Suruhanjaya, warga ECoS serta semua pihak yang bertindak bagi pihak ECoS tidak kira dimana mereka berada (di dalam atau luar negara).

4.2 Dalam konteks polisi ini, semua pihak yang berurusan dengan ECoS merujuk kepada pihak luar yang mempunyai hubungan rasmi dan apa-apa urusan dengan ECoS seperti tetapi tidak terhad kepada kontraktor, sub-kontraktor, konsultan, ejen atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik bagi menjalankan perkhidmatan untuk/bagi pihak ECoS.

4.3 Sebarang kerjasama atau urus niaga yang dibuat oleh ECoS dengan pihak ketiga adalah tertakhluk kepada syarat kontrak yang jelas, termasuk peruntukan tertentu yang mewajibkan pihak ketiga mematuhi standard minimum dan prosedur yang berkaitan dengan rasuah.

5. Takrifan

Takrif berikut adalah terdapat dalam polisi ini.

Akta SPRM 2009	Akta 694 - Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 termasuk pindaan-pindaan yang diwartakan.
Anggota Suruhanjaya	Anggota Suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah Seksyen 5 Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023.
Bayaran Pemudahan (suapan)	Bayaran yang diberikan sebagai pampasan atau pemudahcara yang dibuat secara peribadi kepada individu yang mepunyai kuasa atas sesuatu proses atau keputusan. Tujuan bayaran tersebut adalah untuk mempengaruhi, menjamin atau mempercepat tugas hakiki, fungsi rutin dan pentadbiran.
ECoS	Energy Commission of Sabah
GIA	Governans, Intergriti dan Antirasuah
Hadiah	Hadiah merujuk kepada sesuatu yang diberikan kepada seseorang dengan mengharapkan balasan atas sesuatu urusan atau perniagaan.
Ikrar Integriti	Dokumen yang akan ditanda tangan secara tahunan oleh individu yang menyatakan mereka akan sentiasa berpegang kepada integriti dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh majikan.
JPTITU	Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Integriti & Tadbir Urus
JITU	Jawatankuasa Integriti & Tadbir Urus
Konflik Kepentingan	Apabila seseorang boleh mempengaruhi atau berpotensi mempengaruhi sebarang keputusan bagi ECoS atau berkaitan kerja hakiki.
Unit Integriti & Governans (IGU)	Unit yang ditubuhkan di ECoS untuk menjalankan 4 fungsi utama dalam teras pengukuhan Governans, Integriti & Antirasuah (iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan

	Integriti, Pengurusan Aduan dan Pengesanan & Pengesahan).
Warga ECoS	Semua individu yang mempunyai ikatan kontrak secara langsung dengan ECoS atas dasar pekerjaan termasuklah Ketua Pegawai Eksekutif dan pekerja bawahannya.
Kelakuan Tidak Wajar (KTW)	Kelakuan Tidak Wajar yang bermaksud apa-apa salah laku atau kesalahan jenayah sama ada cubaan, disyaki atau telah berlaku, termasuk tetapi tidak terhad seperti berikut :- a. Rasuah b. Kecurian atau menggelapkan wang organisasi c. Konflik kepentingan d. Tuntutan palsu e. Salah guna kuasa f. Kesalahan jenayah g. Kegagalan mematuhi polisi dan prosidur, Kod Etika dan peraturan yang telah dimaktubkan oleh organisasi h. Kegagalan dalam mematuhi obligasi undang-undang atau kawal selia i. Salah guna harta/asset organisasi j. Tidak melaksanakan keadilan k. Membahayakan kesihatan dan keselamatan individu lain l. Gangguan atau ugutan m. Lain lain salahlaku tatatertib yang telah dinyatakan oleh organisasi n. Menyembunyikan apa-apa perbuatan di atas.
Ketua Jabatan	Ketua Jabatan meliputi Pengarah-pengarah jabatan di ECoS yang menyelia warga ECoS di bawahnya.

Pemberi maklumat	Individu yang meberikan/mendedahkan maklumat tentang individu lain atau organisasi yang terlibat atau disyaki terlibat dalam KTW.
Pihak ketiga	Individu yang mempunyai urusan secara rasmi dengan ECoS.
Pengurusan Tertinggi	Pihak Pengurusan Tertinggi ECoS yang terdiri dari pada Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perancangan & Kawalselia Ekonomi dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perkhidmatan Korporat.
Rasuah	Rasuah ditakrifkan sebagai apa-apa tindakan yang boleh dianggap sebagai kesalahan memberikan atau menerima 'suapan' di bawah Akta SPRM 2009. Dari segi amalannya, rasuah bermaksud menawarkan, memberikan, menerima atau meminta sesuatu yang bernilai dalam cubaan untuk mempengaruhi, secara tidak jujur, keputusan atau tindakan seseorang yang memegang jawatan beramanah dalam organisasi. 'Suapan' ditakrifkan dalam Akta SPRM 2009 dengan maksud yang berikut: a) wang, derma, alang (orang ketiga), pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain; b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan dan apa-apa perjanjian untuk memberikan

	pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat; c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya; d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan; e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga; f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

6. Pemilik polisi

Pemilik polisi antirasuah ini ialah Unit Integriti & Governans (IGU) ECoS.

7. Polisi

7.1 Polisi Antirasuah

a) Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 694) membawa maksud penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan tugas rasmi. Suapan antaranya terdiri daripada wang, hadiah, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskaun.

b) Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694), terdapat empat kesalahan utama kesalahan rasuah iaitu :

   i. Meminta/menerima rasuah
   ii. Menawar/Memberi suapan
   iii. Mengemukakan tuntutan palsu
   iv. Menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan.

c) Polisi ini melarang sekeras-kerasnya semua bentuk jenayah rasuah yang berkaitan berpandukan dengan Akta 694, Akta SPRM 2009 dengan apa-apa aktiviti dan urusan dengan ECoS. Oleh itu, seluruh warga ECoS dan pihak yang berurusan dengannya tidak boleh sama ada secara langsung atau tidak langsung menawarkan, memberi, menerima atau meminta apa-apa barang bernilai, dalam cubaan untuk mempengaruhi secara tidak jujur, keputusan atau tindakan seseorang memegang jawatan beramanah dalam organisasi sama ada untuk manfaat sendiri ataupun manfaat yang dirancang oleh ECoS atau orang yang terlibat dalam urusan tersebut. Antara perlakuan yang berpotensi dan berunsur rasuah adalah seperti berikut :

Transactive	Persetujuan untuk memberi dan menerima rasuah
Exortive	Ugutan dengan tujuan untuk tidak ambil tindakan
Defensive	Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan
Investive	Bayaran untuk menjamin balasan atau habuan pada masa hadapan
Nepotisme	Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi, saudara, keluarga atau sekutu
Autogenic	Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi
Supportive	Penempatan proksi atau kroni di tempat strategik *(hotspot)* dalam organisasi

d) Polisi antirasuah ini terpakai kepada segala urusan atas nama ECoS dengan entiti Kerajaan (sektor awam), entiti komersial (sektor swasta) serta ejen dan wakil lain yang dilantik pada semua peringkat.

e) Polisi antirasuah ECoS ini terpakai kepada semua negara di seluruh dunia tanpa pengecualian dan tanpa mengambil kira kebiasaan serantau amalan tempatan atau keadaan persaingan.

f) ECoS tidak akan membenarkan prinsip ‘Bayaran Pemudahan’ walaupun perkara ini sudah menjadi kebiasaan dalam keadaan tertentu.

g) Menjadi polisi ECoS bahawa warga ECoS tidak akan dikenakan sebarang tindakan tatatertib kerana enggan membayar atau menerima rasuah daripada mana-mana individu atau tingkah laku yang tidak jujur dalam menjalankan urusan ECoS walaupun tindakan itu akan menyebabkan organisasi mengalami kerumitan atau kelewatan dalam urusan operasi organisasi.

7.2 Tanggungjawab warga ECoS

a) Polisi ini terpakai kepada seluruh warga ECoS dan bertujuan menetapkan tanggungjawabnya serta kewajipan tertentu yang dinyatakan dengan jelas dalam kontrak pekerjaan, penilaian, insentif serta prosedur kenaikan pangkat dan dikuatkuasakan melalui langkah tatatertib yang standard.

b) Seluruh warga ECoS adalah berperanan khusus yang perlu diterapkan seperti berikut :

i. Menggalakkan amalan tadbir urus organisasi yang baik berkaitan jenayah rasuah.
ii. Memberikan sokongan penuh terhadap perlaksanaan dan penguatkuasaan polisi antirasuah.
iii. Menunjukkan tingkahlaku dan kepimpinan yang baik dan telus dengan mematuhi polisi antirasuah.
iv. Sentiasa berwaspada dan berhati-hati terhadap tanda kemungkinan berlakunya salahlaku atau kelakuan tidak wajar yang mungkin berkaitan rasuah.
v. Tidak membenarkan tindakan tidak wajar dan akan mengambil tindakan yang tegas sekiranya diperlukan.

c) Seluruh warga ECoS bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi polisi ini. Secara khususnya, peranan seluruh warga ECoS adalah seperti berikut:

i. Mengetahui keperluan dan arahan yang berkaitan dalam polisi ini dan memanjangkan kepada semua warga ECoS dari peringkat pihak atasan hingga pekerja bawahan.
ii. Mencatatkan dan merekodkan data atau transaksi dengan tepat dan terperinci.
iii. Sentiasa memeriksa transaksi yang mencurigakan dan merujuk terus kepada pegawai atasan untuk mendapatkan pengesahan dan panduan berkenaan tindakan selanjutnya.

iv. Merujuk kepada Unit Integriti & Governans (IGU) jika terdapat apa-apa pertanyaan tentang polisi ini atau jika kurang jelas dengan tindakan yang perlu diambil dalam situasi tertentu.
v. Mengambil perhatian terhadap petunjuk atau apa-apa bukti sekiranya terdapat kemungkinan pelanggaran polisi ini.
vi. Melaporkan pelanggaran atau cubaan pelanggaran polisi ini melalui saluran yang sesuai.
vii. Mengambil bahagian dalam program pemantapan integriti dan antirasuah seperti yang ditentukan oleh organisasi.

d) Apabila berurusan dengan pihak ketiga yang mempunyai kedudukan untuk membuat keputusan bagi manfaat ECoS, warga ECoS tidak boleh:
i. Menawarkan, menjanjikan, meminta atau membuat apa-apa percubaan secara tidak jujur dan amanah untuk mempengaruhi keputusan orang itu dengan menawarkan secara langsung atau tidak langsung atau berjanji untuk memberikan rasuah secara wang tunai, hadiah, undi, perkhidmatan, jawatan, upah ataupun diskaun.
ii. Salahguna kuasa dan melibatkan diri dalam apa-apa perbincangan tentang peluang perniagaan atau pekerjaan di luar untuk manfaat peribadi mereka atau untuk manfaat luar.
iii. Menyalahgunakan kuasa untuk membuat keputusan dan kuasa lain yang diberikan oleh pihak Pengurusan Tertinggi untuk mendapatkan secara tidak jujur hasil yang akan memberikan sebarang kelebihan kepada diri sendiri dan/atau organisasi.

7.3 Pengisytiharan warga ECoS

a) Semua warga ECoS perlu menandatangani Ikrar Integriti secara tetap setiap tahun.

b) Semua warga ECoS hendaklah megisytiharkan apa-apa Konflik Kepentingan seperti yang dinyatakan dalam Polisi Konflik Kepentingan.

7.4 Pematuhan antirasuah

a) ECoS komited untuk mengekalkan pematuhan governans, integriti dan antirasuah melalui Unit Integriti & Governans (IGU) untuk mengawasi sebarang kelakuan jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pentadbiran organisasi.

b) Unit Integriti & Governans (IGU) diiktiraf sebagai pihak berkuasa bebas dalam struktur organisasi dan disediakan dengan sumber yang cukup untuk bertindak secara berkesan terhadap rasuah dengan pegawai integriti akan membuat pelaporan secara terus kepada Pengerusi JITU.

c) ECoS akan menjalankan penilaian risiko secara berkala untuk mengenalpasti risiko berkaitan jenayah rasuah yang menjejaskan organisasi, menetapkan objektif antirasuah ECoS dan menilai keberkesanan kawalan dalaman agar dapat mencapai objektif.

d) Unit Integriti & Governans (IGU) akan menjadi *focal point* kepada warga ECoS tentang sistem pengurusan antirasuah dan isu berkaitan dengan rasuah.

e) Unit Integriti & Governans (IGU) akan mengambil langkah untuk memastikan pemantauan, penilaian dan pengukuhan perlaksanaan GIA.

f) Unit Integriti & Governans (IGU) akan melaporkan secara berkala kepada JPTITU dan JITU berkenaan CRM, hasil penyiasatan dan audit.

7.5 Latihan dan Wacana Integriti

a) ECoS akan tetap seiring dan menyokong BIGoNS dalam menghadiri program anjuran yang berkaitan pemantapan GIA dengan pendirian ECoS tentang antirasuah, integriti dan etika.

b) ECoS akan berusaha menjalankan program latihan dan kesedaran untuk semua warga ECoS berkenaan antirasuah.

c) Unit Integriti & Governans (IGU) ECoS akan sentiasa menyebarkan kepada warga ECoS tentang antirasuah, integriti dan etika.

7.6 Laporan terhadap pelanggaran polisi

a) ECoS akan menyediakan dan menyelenggara saluran pelaporan (pemberian maklumat) yang sesuai untuk menerima aduan/maklumat tentang pelanggaran polisi ini dan perkara lain yang berkaitan integriti yang dilaporkan dengan jujur oleh warga ECoS dan/atau pihak luar.

b) Warga ECoS yang sedang menjalankan tugas yang berkait dengan pekerjaan, sedar ataupun mengesyaki bahawa terdapat/akan ada pelanggaran polisi ini, perlulah melaporkan melalui saluran yang betul untuk mencegah sebarang kelakuan yang melanggar polisi ini.

c) Laporan yang dibuat dengan telus oleh pelapor perlu ditangani dengan cekap dan tepat pada masanya tanpa menimbulkan rasa takut terhadap tindak balas dari hasil siasatan.

d) Tindak balas dalam apa-apa bentuk terhadap pemberi maklumat yang melaporkan dengan jujur dan telus terhadap pelanggaran atau cubaan melanggar polisi ini adalah dilarang sama sekali. ECoS akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana warga ECoS yang didapati sengaja mengambil tindakan terhadap pemberi maklumat.

7.7 Pematuhan polisi

a) ECoS akan menjalankan audit secara berkala untuk memastikan pematuhan terhadap polisi ini adalah menurut kepada piawaian Anti Bribery Management System (ABMS) ISO 37001. Dokumentasi pengauditan merangkumi analisa risiko, pelan tindak, perancangan dan penambahbaikan berterusan.

b) Ketidakpatuhan dan apa-apa risiko yang dikenal pasti oleh pihak audit hendaklah dimaklumkan kepada JPTITU tepat pada masanya berdasarkan tahap risiko yang dikenal pasti.

8. Tindakan ke atas ketidakpatuhan

ECoS mengambil serius terhadap jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam organisasi. Maka, ECoS tidak akan bertoleransi dengan mana-mana pihak sama ada warga ECoS sendiri mahupun pihak ketiga jika didapati tidak mematuhi polisi atau terlibat dengan apa-apa jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. ECoS akan mengambil tindakan yang tegas terhadap individu yang terlibat. Selain itu, individu tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009).

9. Penepian

Sebarang penepian atau perubahan terhadap polisi ini haruslah diperakukan oleh JPTITU dan diluluskan oleh JITU.

10. Semakan dan pemeriksaan

Polisi antirasuah merupakan dokumen terbuka dimana Unit Integriti & Governans (IGU) bertanggungjawab untuk mengemaskini dan menambah baik kandungan dokumen dari semasa ke semasa mengikut garis panduan yang berkaitan rasuah di peringkat ECoS atau Negara.

11. Rujukan

Polisi ini perlu dibaca bersama dengan mana-mana pekeliling, prosedur dan surat edaran berkaitan yang sedang berkuatkuasa.